

Panel kecil kebapaan dibentuk galak kaum bapa lebih aktif

BEBERAPA jawatankuasa kecil dalam Pasukan Bertindak berkaitan kebapaan insiatif di bawah M Kassa Tiga (MP), Nakhoda telah dibentuk bagi membangun strategi untuk menggalak peranan lebih aktif bapa dalam masyarakat Melayu/Islam.

Jawatankuasa kecil itu akan memberi tumpuan kepada tiga aspek penting yang dikenal pasti melalui hasil tinjauan dan penyelidikan Institut Kajian Dasar (IFS) berjudul Pengetahuan, Sikap & Amalan: Satu Sasatan Penerokaan terhadap Cabaran Keibubapaan Yang Dihadapi Bapa Melayu/Islam di Singapura.

Kajian kualitatif itu, yang laporannya dikeluarkan baru-baru ini, dijalankan dengan kerjasama AMP Singapura, Pusat Kebapaan, Khidmat Penjagaan Masyarakat Lutheran dan Persatuan Pemuda Islam Singapura.

Penyiasat utama kajian itu, Zamil Penyelidikan di IPS Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura, Dr Mohamad Shamsuri Juhari, berkata kajian tersebut antara lain bertujuan mengkaji faktor sosiobudaya yang membimbing bapa Melayu/Islam setempat apabila menjalankan peranan keibubapaan mereka.

“Kita setelah kami menyelesaikan kajian, dapattannya boleh digunakan oleh pertubuhan Melayu/Islam, pertubuhan khidmat masyarakat serta agensi pemerintah yang berkaitan untuk melakar langkah

campur tangan bagi mengatasi cabaran yang dikenal pasti,” kata Dr Shamsuri.

Pasukan Bertindak berkaitan Kebapaan Nakhoda yang dibentuk bulan lalu boleh mendiagnosis hasil kajian tersebut dan menyasarkan cara tertentu untuk menerapkan pengetahuan relevan kepada bapa Melayu/Islam supaya mereka dapat menjalankan peranan mereka sebagai bapa dengan lebih berkesan, tambahnya.

Pasukan Bertindak berkaitan Kebapaan Nakhoda itu diterajui Menteri Negara (Elhwal Dalam Negeri) merangkap Pembangunan Negara, Profesor Madya Muhammad Faizal Ibrahim, dan dianggotai pemimpin dan pakar masyarakat Melayu/Islam.

Ini merupakan inisiatif di bawah M Kassa Tiga (MP).

“Jika setiap bapa Melayu boleh ditingkatkan menjadi bapa yang ideal untuk anak-anak mereka, masyarakat Melayu/Islam kemudian boleh berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk meningkatkan keadaan sedia ada mereka sebagai sebuah kumpulan etnik di negara ini,” kata Dr Shamsuri.

Salah satu jawatankuasa kecil itu akan memberi tumpuan kepada dapatan kajian berhubung peranan agama sebagai sumber rujukan bapa Melayu/Islam di sini.

“Kami telah membentuk pasukan daripada pelbagai institusi keagamaan seperti mereka dari masjid dan madrasah serta rakan asatizah untuk menganalisis dan bersama-sama memikirkan huraiam atau tindak balas kepada penemuan itu.

“Insya-Allah, kami akan menggunakan ajaran Islam dalam cara yang paling berkesan untuk membantu membimbing bapa-bapa dalam masyarakat kita dan masyarakat mereka ayah yang lebih baik,” katajannya.

Jawatankuasa kecil kedua pula dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SuChi Success Initiatives, Encik Mohamed Khair Mohamed Noor.

“Ia akan meneliti aspek lingkungan sosial dari mana golongan bapa Melayu mendapatkan petunjuk sama ada secara langsung atau tidak.

Jawatankuasa kecil terakhir pula akan meneliti dapatan kajian berhubung masa atau keterbatasan masa bapa Melayu/Islam dalam melayan anak-anak mereka.

Kajian sorot cabaran yang dihadapi bapa

Bertujuan kenal pasti cabaran sosiobudaya yang halang bapa Melayu/Islam setempat dari jalankan tugas keibubapaan mereka dengan berkesan

■ NUR DHUHA ESOF
nurdhuha@sph.com.sg

SATU kajian ke atas bapa Melayu/Islam di sini mendapati golongan itu melihat agama sebagai memberi ‘rangka kerja’ kepada mereka untuk menjadi ayah yang berkesan.

Tetapi sedang mereka melihat kepada Nabi Muhammad *saw* sebagai contoh, bapa-bapa itu didapati sukar menamakan seseorang dari zaman ini yang mereka boleh contohi tingkah laku dan amalan mereka sebagai bapa, yang sesuai untuk konteks Melayu/Islam Singapura hari ini.

Kajian yang dijalankan itu berjudul *Pengetahuan, Sikap & Amalan: Satu Sasatan Penerokaan terhadap Cabaran Keibubapaan Yang Dihadapi Bapa Melayu/Islam di Singapura*.

Ia bertujuan mengenal pasti cabaran sosiobudaya yang menghalang bapa Melayu/Islam setempat daripada menjalankan tugas keibubapaan mereka dengan berkesan.

Menurut kajian itu, kebanyakan responden berkata mereka perlu memperbaiki pengetahuan tentang Islam untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ayah dengan lebih baik.

Mereka berharap pengetahuan lebih baik dalam agama akan membolehkan mereka untuk menempuk nilai-nilai Islamik dalam anak-anak mereka dengan lebih baik lagi.

Data kualitatif yang dikumpul juga memberi contoh kegiatan keagamaan yang bapa lakukan bersama anak mereka seperti solat wajib.

Malah ramai responden melakukan solat jemaah dengan anak-anak mereka kerana mereka akui ia sebagai peluang interaksi keluarga yang kerap dan konsisten.

Beberapa responden menyebut konsep yang difahami daripada hadis sebagai dorongan bagi keinginan mereka untuk menjadi bapa yang baik.

Berdasarkan data kualitatif, responden melaporkan hasil positif yang timbul daripada pendekatan berasaskan kepercayaan mereka kepada kebapaan.

“Mereka merasakan mereka telah memperoleh faedah peribadi dan perhubungan apabila menggunakan pendekatan berpaksaan Islam kepada rangka kerja asuhan mereka,” menurut laporan itu.

“Ini terutamanya berkesan dalam bidang bimbingan moral, penguatkuasaan disiplin serta strategi untuk mengatasi tekanan dalam kehidupan.”

“Apabila ditanya tentang ciri seorang bapa yang mereka anggap paling penting untuk diteladani, hampir semua menilainya menjadi Muslim yang baik sebagai pilihan utama.

Bapa-bapa ini mahu mencontohi standar yang ditetapkan oleh tokoh terkemuka dalam agama, dengan individu paling penting merupakan Rasulullah *saw*.

Bapa-bapa itu terdorong mengikut jejak langkah Nabi Muhammad *saw*, khususnya dalam cara menguruskan isi rumah dan cara mereka berinteraksi dengan ahli keluarga.

“Di antara tentang ‘role model’ dari hari ini yang boleh mereka contohi daripada segi amalan kebapaan yang sesuai dengan konteks di sini, responden sukar memberi nama.

Hanya segelintir menyebut orang tua mereka, dan lebih ramai sedikit merujuk kepada personaliti setempat seperti mantan Mufti, Ustaz Dr Mohamad Fatri Bakar.

Penyiasat utama kajian itu, Zamil Penyelidikan di Institut Pengajian Dasar Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura, Dr Mohamad Shamsuri Juhari, berkata aspek penemuan ini memerlukan analisis yang lebih mendalam.

“Terdapat beberapa kemungkinan (mengapa ini berlaku). Pertama, responden meletakkan penanda aras yang terlalu tinggi berhubung siapa yang mereka boleh lihat sebagai bapa yang ideal atau berkesan.

“Kedua, selaras dengan rasa rendah diri yang terbina dalam budaya Melayu kita, responden mengamalkan sikap ‘merendah diri’ dengan tidak meletakkan ibu bapa sendiri (atau sesiapa yang mereka kenali secara peribadi) untuk diujai.

“Ketiga, ‘rangka kerja’ Islam yang mereka tanggap adalah tidak sesuai dengan jangkaan bapa ‘sempurna’ hari ini.

“Secara keseluruhan, mungkin terdapat selah jajaran dalam jangkaan responden mengenai makna bapa berkesan dalam masyarakat hari ini dengan mesej yang mereka terima berhubung rangka kerja Islam,” katanya.



— Foto hisaan



“Terdapat beberapa kemungkinan (mengapa ini berlaku). Pertama, responden meletakkan penanda aras yang terlalu tinggi berhubung siapa yang mereka boleh lihat sebagai bapa yang ideal atau berkesan. Kedua, selaras dengan rasa rendah diri yang terbina dalam budaya Melayu kita, responden mengamalkan sikap ‘merendah diri’ dengan tidak meletakkan ibu bapa sendiri (atau sesiapa yang mereka kenali secara peribadi) untuk diujai. Ketiga, ‘rangka kerja’ Islam yang mereka tanggap adalah tidak sesuai dengan jangkaan bapa

‘sempurna’ hari ini. Secara keseluruhan, mungkin terdapat selah jajaran dalam jangkaan responden mengenai makna bapa berkesan dalam masyarakat hari ini dengan mesej yang mereka terima berhubung rangka kerja Islam.”

— Penyiasat utama kajian, Dr Mohamad Shamsuri Juhari (gambar), yang juga Zamil Penyelidikan di Institut Pengajian Dasar Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura.

SEKILAS DAPATAN KAJIAN

► Peranan Islam

Bapa Melayu/Islam melihat Islam sebagai menyediakan rangka kerja tentang bagaimana menjadi bapa berkesan. Tetapi mereka menyatakan tahap pemahaman berbeza tentang bagaimana ia harus dipatuhi.

► Rangkaian dan Perhubungan

Perhubungan dan rangkaian sosial memberi sokongan dan tempat rujukan untuk membimbing bapa Melayu/Islam dalam menjalankan tugas itu bapa mereka. Mutu penyebaran maklumat yang timbul daripada interaksi sesama manusia adalah amat penting dalam menambah nilai pengetahuan keibubapaan bapa Melayu/Islam.

► Masa Bermutu

Bapa Melayu/Islam melihat nilai dalam meluangkan masa bermutu bersama anak-anak mereka. Namun, ramai yang tidak tahu apa itu masa bermutu bersama orang tersayang. Mereka tidak mencari ilmu tentang strategi meluangkan masa secara produktif bersama anak-anak mereka.

Pentingnya komunikasi secara berkesan antara bapa dengan anak

GOLONGAN bapa mungkin berpendapat bahawa mereka berkomunikasi secara berkesan bersama anak-anak mereka, namun hakikatnya ia mungkin tidak seperti yang mereka sangkakan.

Ini kerana komunikasi berkesan dinilai secara subjektif berdasarkan tanggapan dan pengalaman bapa-bapa itu sendiri.

Kedua-dua tersebut boleh menjadi satu kelemahan atau *blind spot* di mana bapa-bapa menilainya terlalu tinggi kepercayaan komunikasi mereka dengan anak-anak, sedangkan anak-anak mungkin tidak berasakan perkara yang sama.

Demikian menurut satu kajian mengenai cabaran keibubapaan yang dihadapi bapa Melayu/Islam di Singapura, yang laporannya dikeluarkan baru-baru ini.

Kajian itu, yang melibatkan golongan bapa, ibu dan anak-anak dewasa, mendapati hampir semua ayah yang diwawancara setuju bahawa mereka dapat berkomunikasi dengan berkesan dengan anak-anak mereka.

Tetapi bilangan responden yang lebih rendah berpendapat yang anak-anak mereka akan menilainya berkesan tentang isu-isu mengenai kehidupan peribadi mereka.

Laporan itu mendapati salah satu penanda aras komunikasi berkesan terletak pada kepautuhan anak-anak dalam menuruti arahan bapa mereka.

Malah bapa lebih tua yang diwawancara menunjukkan rasa puas hati apabila anak-anak mereka mematuhi nasihat dan arahan mereka.

Kajian itu mendapati bahawa responden berpendapat mereka berkomunikasi dengan baik bersama anak-anak kerana mereka percaya yang mereka telah membantu anak-anak mereka mengatasi cabaran semasa tahun-tahun perkembangan mereka.

Pandangan itu bagaimanapun mungkin tidak dikongsi ramai anak-anak dewasa yang diwawancara dalam kajian itu.

Anak-anak ini telah berkata, walaupun mereka telah melihat bapa mereka sebelumnya berjaya mengemudi topik rumit, mereka kebetulan bercakap dengan bapa mereka secara terbuka tentang isu tertentu seperti hubungan romantik dan jemaah bagi masa depan.

Anak-anak ini mungkin kurang yakin akan kepercayaan bapa mereka untuk menangani situasi sedemikian, atau menganggap bapa mereka kurang minat tentang topik tertentu.

Responden juga berkata bapa mereka sering

mengelak daripada perbuatan menyentuh topik yang mereka tidak mempunyai pengalaman meneraiannya.

Penyiasat utama kajian itu, Zamil Penyelidikan di Institut Pengajian Dasar Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura, Dr Mohamad Shamsuri Juhari, berkata penemuan ini memberi bukti bahawa isu jujar generasi dalam komunikasi keluarga adalah nyata.

“Apa yang perlu dilakukan adalah untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan bapa-bapa, terutama mereka yang mempunyai anak remaja, tentang perlunya membawa apa yang terdapat di belakang yang tersurat semasa mereka berkomunikasi dengan anak-anak mereka.”

“Bapa perlu berusaha untuk menyemai kepercayaan dan pemahaman dalam cara mereka berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Strategi perlu direka dan digunakan,” katanya.

Dr Shamsuri menekankan perlunya menyasarkan langkah-langkah itu dalam pendidikan keibubapaan bud bapa golongan bapa, khususnya dalam kes ini, bapa dari masyarakat Melayu/Islam.

“Sebuah rancangan perlu dilakar supaya ilmu kebapaan ini dapat disebarkan kepada masyarakat,” katanya.